



DR. MAHATHIR

Saya sokong penuh Dr. Mahathir, kata Ghafar Baba

Sokongan terhadap kabinet baru dan perlantikan Timbalan Perdana Menteri mencurah-curah

KUALA LUMPUR, 7 MAC

ENCIK Abdul Ghafar bin Baba hari ini menyatakan sokongan penuhnya terhadap perlantikan Dr. Mahathir Mohamad sebagai Timbalan Perdana Menteri.

Dalam satu kenyataannya kepada Berita hari ini, Encik Ghafar berkata: "Saya menyokong perlantikan Dr. Mahathir sebagai Timbalan Perdana Menteri dan mengucapkan tahniah kepadanya".

Encik Ghafar yang juga Setiausaha Agung Barisan Nasional, sekali lagi menegaskan bahawa beliau akan tetap aktif dalam politik dan akan menumpukan lebih banyak masa kepada parti, walaupun sudah tidak ada lagi dalam kerajaan.

"Saya belum merasa penat dan belum mahu berehat lagi," katanya menolak berita-berita yang menyebut beliau telah bercadang hendak berehat dari politik sejak belum pilihanraya 1974 dulu.

Encik Ghafar yang juga Naib Presiden UMNO yang paling kanan ialah Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar dalam kabinet hingga petang Jumaat lalu.

Nama beliau tidak ada dalam senarai kabinet baru

"Saya tidak pernah meminta Dr. Mahathir bercakap bagi pihak diri saya mengenai perkara itu. Memang benar saya bercadang tidak mahu bertanding dalam pilihanraya 1974 seperti yang disebutkannya itu.



Encik Ghafar Baba

bagai Timbalan Perdana Menteri.

Barisan Nasional Negeri Sembilan menyatakan sokongan yang tidak berbelah bagi itu dalam sepucuk kawat yang dikirimkan oleh pengerusinya, Datuk Mansor Osman semalam.

Beliau juga mengirimkan sepucuk kawat mengucapkan tahniah di atas perlantikan Dr. Mahathir.

Mengenai perlantikan Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah sebagai Menteri Kewangan beliau melahirkan rasa gembira dan berharap Tengku Tan Sri Razaleigh dapat membaiki bukan sahaja ekonomi orang Melayu tapi meliputi semua kaum di negara ini.

Sementara itu UMNO Bahagian Macang yang mengandungi 50 buah cawangan menyokong penuh perlantikan Dr. Mahathir Mohamad sebagai Timbalan

perlantikan kedua-dua orang tokoh itu adalah wajar dan kena pada tempatnya selaras dengan keadaan masa sekarang dan akan datang.

MIC Negeri Johor mengucapkan tahniah dan menyokong penuh perlantikan Dr. Mahathir Mohamad sebagai Timbalan Perdana Menteri yang baru.

Ketua biro pelajarannya, Encik Kanapathy Appoo menifatkan Dr. Mahathir seorang tokoh politik yang matang, berpengalaman luas dan bijaksana.

MIC Johor menaruh penuh keyakinan yang Dr. Mahathir akan menjalankan tugasnya dengan cemerlang seperti yang terbukti sebagai Menteri Pelajaran, jelas Encik Kanapathy.

Tentang penyusunan kabinet baru, MIC Johor mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Perdana Menteri Datuk Hussein Onn, kerana berjaya membentuk kabinet yang cergas dan mendapat sokongan rakyat.

yang diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn. Jawatan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar masih tinggal kosong.

"Seorang yang ingin berpolitik tidak mesti menjadi ahli jemaah menteri," katanya.

Menurut beliau, beratus-ratus ribu ahli parti dari dahulu telah berjuang bermati-matian walaupun mereka tidak menjadi menteri, bahkan tidak bermimpi hendak memegang jawatan itu.

"Keluar masuk seseorang itu ke dalam jemaah menteri adalah merupakan kejadian biasa sahaja yang berlaku di mana-mana dalam dunia," tegas beliau.

Kenyataan Encik Ghafar itu berkata: "Saya menyokong perantikan Dr. Mahathir sebagai Timbalan Perdana Menteri dan mengucapkan tahniah kepadanya."

"Tetapi dukacita saya terpaksa menegur kenyataannya mengenai diri saya yang dibuatnya di Segamat

"Tetapi saya telah menukar fikiran dan menerima tawaran menjadi calon semula dan seterusnya duduk dalam jemaah menteri setelah keraguan saya yang menyebabkan saya tidak mahu bertanding itu dijelaskan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak dengan terangnya kepada saya dan bukannya kerana saya hendak berehat seperti yang disebut oleh Dr. Mahathir.

Encik Ghafar berkata lagi: "Kenyataan saya dua hari dulu menyatakan saya akan terus bergerak aktif dalam parti adalah jelas sekali menerangkan pendirian saya.

Yakin

"Saya belum merasa penat dan belum mahu berehat lagi," tegasnya.

Sementara itu banyak lagi pertubuhan politik dan sukarela hari ini menyatakan keyakinan dan sokongan penuh terhadap susunan kabinet baru Datuk Hussein Onn dan mengalu-alukan perantikan Dr. Mahathir Mohamad se-

Persatuan Bekas Polis Malaysia Kawangan Negeri Sembilan menegaskan perantikan Dr. Mahathir sebagai bijak dan berani.

Pengerusi persatuan, Haji Ahmad Bador berkata di Kuala Pilah bahawa persatuannya menyokong penuh susunan kabinet baru.

MCA Kelantan juga mengalu-alu dan menyokong penuh perantikan Dr. Mahathir Mohamad sebagai Timbalan Perdana Menteri dan penyusunan Kabinet baru.

Presidennya, Senator Datuk Wee Kon Hok berkata Dr. Mahathir mempunyai pengalaman yang luas dalam semua bidang termasuk pelajaran dan hubungan antarabangsa.

Katanya, perantikan Dr. Mahathir adalah tepat sekali kerana di samping kita berkehendakkan pemimpin yang muda kita juga mahu seorang yang berkelibar mentadbir masa depan negara.

Gembira

Perdana Menteri yang baru.

Setiausaha UMNO Bahagian itu Encik Abdul Kadir Samad berkata, kenyataan itu terkandung dalam sepucuk kawat yang dihantar oleh UMNO bahagiannya kepada Timbalan Perdana Menteri pagi semalam.

UMNO bahagian itu juga mengucapkan tahniah kepada Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah kerana telah dilantik memegang jawatan penting sebagai Menteri Kewangan yang baru.

Dua buah badan penulis negeri ini juga turut mengalu-alukan dan menyokong di atas pemilihan Timbalan Perdana Menteri baru Dr. Mahathir Mohamad dan penyusunan Kabinet baru.

Tahniah

Persatuan Penulis Kelantan, PPK dan Penulis Pasir Puteh juga mengucapkan tahniah dan menyokong kuat terhadap perantikan Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah sebagai Menteri Kewangan.

Ketua duanya, Mohd Rafie Haji Taib berkata,

"Saya yakin dengan pembentukan kabinet baru itu negara akan mencapai kemajuan yang lebih pesat dalam tahun-tahun yang akan datang," ujarnya.

Persatuan Muslim Dawoodi Bohra di Kelang juga menyatakan keyakinan dan sokongan penuhnya terhadap susunan kabinet baru Datuk Hussein Onn.

Persatuan tersebut mensifatkan Dr. Mahathir sebagai seorang pemimpin muda, dinamik dan matang yang sudah pasti dapat membantu Datuk Hussein.

Sementara itu UMNO Bahagian Padang Serai menyatakan sokongan penuh dan berdiri teguh di belakang Perdana Menteri Datuk Hussein Onn dalam penyusunan kabinet baru yang diumumkan Jumaat lalu.

Ketua bahagian tersebut, Encik Mustaffa Kassim berkata bahagiannya juga mengalu-alukan perantikan Dr. Mahathir Mohamad sebagai Timbalan Perdana Menteri dan menambahkan "kami yakin Dr.

Mahathir mampu dan berkebolehan untuk jawatan tersebut".

Susunan kabinet baru ini kata Encik Mustaffa lagi adalah sebagai suatu yang amat sesuai sekali dengan iklim dan suasana politik di negara kita pada masa ini beliau berharap tindakan yang telah diambil oleh Datuk Hussein Onn itu akan mendapat sokongan dari semua pihak demi untuk kepentingan negara dan rakyat.

Pemuda UMNO Bahagian Padang Serai juga telah menyatakan sokongan penuh mereka atas perlantikan Dr. Mahathir. Mohamad sebagai Timbalan Perdana Menteri.

Ketuanya, Encik Mahmud Md Zain berkata pergerakannya mensifatkan pemilihan Datuk Hussein Onn itu sebagai suatu tindakan yang amat bijak sekali dan patut mendapat sokongan semua rakyat di negara ini.

Sesuai

UMNO Cawangan Sungai Air Tawar di Sabak Bernam menyokong penuh Perdana Menteri Datuk Hussein Onn atas susunan kabinet baru dan perlantikan Timbalan Perdana Menteri yang baru.

Ketua cawangan itu, Haji Khalil Kasmijan menyatakan keputusan itu dibuat dalam mesyuarat agungnya semalam, mensifatkan susunan kabinet baru itu sangat sesuai dan kena pada masanya bagi kehendak keperluan negara sekarang.

Katanya, sepucuk teligram telah dihantar kepada Perdana Menteri menyatakan sokongan tersebut.

UMNO Cawangan Sungai Acheh dekat Nibong Tebal, Seberang Prai juga turut mengalu-alukan kabinet baru Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn di sam-

ping menyokong penuh perlantikan Dr. Mahathir sebagai Timbalan Perdana Menteri.

Ini diputuskan dalam mesyuarat agung cawangan itu di sekolah agama di situ, lewat petang semalam.

Cawangan itu juga akan menghantar teligram ucapan tahniah dan sokongannya kepada Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri esok.

Perpaduan

Ketua cawangan itu, Haji Sahid bin Hassan berkata, susunan kabinet baru Datuk Hussein Onn itu mencerminkan perpaduan berbagai kaum.

Dewan Perniagaan Melaju Pahang, (DPMP) hari ini menyokong perlantikan Doktor Mahathir Mohamad menjadi Timbalan Perdana Menteri dan Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah sebagai Menteri Kewangan dalam penyusunan kabinet baru Datuk Hussein Onn.

Pengerusi DPMP, Encik Zainuddin Haji Ahmad berkata, kedua-dua orang tokoh itu adalah layak menduduki portfolio masing-masing berdasarkan pengalaman mereka yang telah lepas.

Katanya, DPMP, melahirkan keyakinan penuh terhadap Doktor Mahathir dan Tengku Tan Sri Razaleigh dapat menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka dengan lebih sempurna.

Beberapa buah persatuan belia dan badan-badan sukarela juga menyatakan sokongan mereka terhadap perlantikan itu.

Naib Ketua Satu, Persatuan 4B Pahang Tua, Encik Hanafiah Sidek yang mewakili perkumpulan belia itu berkata, perlantikan kedua-dua tokoh tersebut dan susunan kabinet baru Datuk Hussein Onn adalah tepat memandangkan keadaan negara pada masa ini.